


Bendung Islamofobia elak beban pada generasi baharu



ANWAR Ibrahim bersalam dengan Recep Tayyip Erdogan ketika mengadakan pertemuan sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78 di New York semalam.
- PEJABAT PERDANA MENTERI

**Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN**
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia dan Turkiye sepakat menggandakan usaha membendung sentimen Islamofobia yang semakin menggilakan dan bakal membebani generasi akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan seperti Malaysia mahu menyelesaikan isu tersebut sebelum ia menjadi beban lebih besar kepada generasi akan datang.

Menurut beliau, isu Islamofobia adalah antara perbincangan utama pertemuan dengan Erdogan di Turkish House di New York sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-78.

Anwar berkata, turut dibincang usaha meningkatkan kerjasama dua hala dalam bidang pelaburan dan perdagangan ter-

masuk melibatkan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

"Ini bertujuan bagi membesarkan terminal di Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gokcen (ISG), kerjasama ekosistem pertahanan antara kedua-dua negara," katanya.

Bagi tujuan itu, Perdana Menteri berkata, beliau sekali lagi menjemput Erdogan mengadakan lawatan ke Malaysia sebelum hujung tahun ini.

Selain Erdogan, Anwar turut mengadakan pertemuan dengan Presiden Sri Lanka, Ranil Wickremesinghe dan Presiden Iran, Seyed Ebrahim Raisi di New York.

Ketika bertemu Ranil, Anwar berkata, kedua-dua negara bersejua mengeratkan kerjasama dalam pertukaran lawatan di peringkat tertinggi, sektor perdagangan, pelaburan, pendidikan, pelancongan, budaya serta pembangunan sumber manusia.